

Headline	Kempen raih dana bantu sekolah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	376 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,887
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,660



Kempen raih dana bantu sekolah



PEMENANG projek bergambar kenangan.

baru bagi menggalakkan minat pelajar di dalam mata pelajaran teras.

"Kempen ini menunjukkan bahawa semua orang harus membantu melakukan perubahan dan saya berharap kejayaannya akan diteruskan pada masa akan datang," katanya.

Turut hadir

yasan MyKasih, Jeffrey Perera yang diadakan di Johor Bahru, baru-baru ini.

Kutipan dana yang diperolehi akan disalurkan kepada 91 bilik darjah bagi melaksanakan projek mempromosikan pembelajaran sains, teknologi, bahasa Inggeris dan Matematik di sekolah kerajaan.

Sebanyak 64 daripada sekolah dibiayai itu sangat memerlukan bantuan kerana lebih separuh pelajarannya terdiri daripada keluarga berpendapatan rendah atau pelajar kelas khas.

Faktor penting yang menjayakan kempen berkenaan adalah pembabitian peserta secara aktif dan sokongan daripada masyarakat sekeliling, guru, ibu bapa, rakan perniagaan dan penyumbang lain.

Antara barangan diperlukan di sekolah berkenaan adalah buku cerita, kamus, tablet pintar, komputer dan papan putih yang interaktif selain haiwan masih hidup seperti arnab serta ikan.

Chevron Malaysia dengan kerjasama Yayasan MyKasih menganjurkan Kempen The Caltex Fuel Your School di tiga negeri iaitu Pulau Pinang, Johor dan Kedah.

Kempen komuniti itu berjaya mengutip dana sebanyak RM516,704, dengan kutipan di Pulau Pinang sebanyak RM133,000, Johor (RM241,000) dan Kedah (RM142,000).

Menurut Pengerusi Chevron Malaysia Limited, Jeremy Oh, kempen berkenaan membolehkan komuniti yang dijayakan pelajar, pendidik, peruncit, pembekal, orang

awam dan pertubuhan untuk membantu satu sama lain.

"Keputusan untuk menganjurkan kempen ini berdasarkan kekuatan rangkaian antara jenama dan pertubuhan yang dipilih.

"Namun, sokongan masyarakat juga perlu untuk membantu menjayakan kempen ini bagi meningkatkan pengumpulan dana bagi menaikkan prestasi pelajar sekolah.

"Kejayaan projek berkenaan di beberapa sekolah terpilih di tiga negeri itu juga bagi menggalakkan pelajar

serta guru lebih bersemangat dalam menimba ilmu," katanya.

Pengasas Yayasan MyKasih, Dr Ngau Boon Keat berkata, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang sesuai untuk kanak-kanak memang penting.

"Kami gembira untuk bekerjasama dengan jenama berkenaan dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran menyeronokkan kepada kanak-kanak.

"Kaedah inovatif itu



MOKHTAR (kiri) dan Perera pada majlis penutupan kempen musim kedua.

perlu dipuji kerana ia membantu menggalakkan pendidik tampil dengan cara pembelajaran

sama pada majlis penutupan kempen musim kedua Pengurus Chevron Malaysia Limited, Mokhtar Ali Ismail dan Pengarah Urusan Ya-